

JADUAL KETIGA

[subkaedah 5(2)/subrule 5(2)]

AKTA INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR 2006
WATER SERVICES INDUSTRY ACT 2006KAEDAH-KAEDAH INDUSTRI PERKHIDMATAN AIR (PERMIT) 2007
WATER SERVICES INDUSTRY (PERMIT) RULES 2007PERMIT IPA JENIS A/B/C/D/E*
IPA TYPE A/B/C/D/E* PERMIT

No. Permit:
Permit Number: SPAN/EKS/(PT)/800-2B/1/07/127

Nama pemegang permit:
Name of permit holder: CKJ ENGINEERING & SERVICES SDN. BHD.

Alamat pemegang permit:
Address of permit holder: OPEN YARD OY/09/01, KSB LETTER BOX NO.12, ADMIN BUILDING B, KEMAMAN SUPPLY BASE, 24007 KEMAMAN, TERENGGANU DARUL IMAN


Tujuan permit:
Purpose of Permit: PERMIT IPA JENIS B (PEMBETUNGAN)

Negeri atau negeri-negeri di mana kerja-kerja boleh diusahakan:
State or states in which the works may be carried out: TERENGGANU DARUL IMAN

Permit sah dari:
Permit is valid from: 15 SEPTEMBER 2016
sehingga
to 14 SEPTEMBER 2019

Permit tertakluk kepada terma dan syarat yang dilampirkan.
Permit subject to terms and conditions as attached.

Fi Permit:
Permit fee: RM 900.00



Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

Resit No:
Receipt No: 054436

Tarikh *pengeluaran/pembaharuan:
*Date of *issue/renewal* 15 SEPTEMBER 2016

*potong yang tidak terpakai
**delete where inapplicable*

SYARAT-SYARAT STANDARD

[Subkaedah 7(1) Kaedah-kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) 2007]

Pemegang permit hendaklah mematuhi syarat-syarat permit yang hendaklah termasuk syarat-syarat standard yang berikut:-

1. Pemegang permit hendaklah menjalankan kerja, dan di dalam negeri atau negeri-negeri, yang dinyatakan dalam permit itu sahaja;
2. Pemegang permit hendaklah memaklumkan Suruhanjaya mengenai apa-apa perubahan butir-butir pemegang permit;
3. Pemegang permit hendaklah memberikan maklumat, dalam format dan pada lat tempoh, sebagaimana yang dikehendaki oleh Suruhanjaya;
4. Pekerja dan pekhidmat pemegang permit hendaklah dibenarkan untuk menjalankan kerja yang dibenarkan di bawah permit bagi pemegang permit dengan syarat bahawa pemegang permit hendaklah pada setiap masa bertanggungjawab terhadap semua tindakan atau peninggalan pekerja dan pekhidmatnya;
5. Pemegang permit hendaklah pada setiap masa mengekalkan perakuan pendaftaran yang diperlukan sebagai kontraktor berdaftar yang dikeluarkan oleh Lembaga, jika diperlukan;
6. Pemegang permit hendaklah pada setiap masa memiliki dan mengekalkan kelayakan untuk memegang permit sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa;
7. Pemegang permit hendaklah pada setiap masa berurusan dengan pengguna secara adil dan munasabah dan jika terpakai, mematuhi standard pengguna;
8. Pemegang permit hendaklah pada setiap masa melindungi keselamatan orang awam dan pekerjaannya dan hendaklah pada setiap masa mematuhi tatacara dan peraturan pekerjaan, kesihatan dan keselamatan yang berkaitan yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkaitan;
9. Pemegang permit, pekerja dan pekhidmatnya hendaklah pada setiap masa mematuhi kehendak kesihatan yang terpakai yang dikenakan oleh pihak berkuasa kesihatan yang berkaitan;
10. Pemegang permit hendaklah menuruti dan mematuhi syarat permit dan peruntukan Akta dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat atau instrumen lain yang dikeluarkan di bawah Akta; dan
11. Pemegang permit hendaklah mematuhi syarat lain sebagaimana yang dikenakan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

SYARAT-SYARAT KHAS

[Subkaedah 7(1)(k) Kaedah-kaedah Industri Perkhidmatan Air (Permit) 2007]

Pemegang permit hendaklah mematuhi syarat-syarat khas permit yang berikut:-

1. Pemegang permit perlulah memastikan bahawa mereka sentiasa mempunyai pekerja-pekerja yang berkelayakan bagi menjalankan operasi syarikat;
2. Pemegang permit hendaklah memastikan bahawa kerja-kerja yang disubkan diberi kepada kontraktor yang merupakan pemegang-pemegang permit yang sah dengan SPAN; dan
3. Pemegang permit hendaklah mempunyai pekerja yang memegang Permit IPA Jenis A atau menggunakan khidmat tukang paip yang memegang Permit IPA Jenis A bagi menjalankan kerja-kerja berkaitan.